

PERATURAN PEMARKAHAN PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2025

Soalan	Perincian	Markah
1 (a)	F1 Berperanan dalam pentadbiran F2 Perlu arif dalam hal berkaitan pelaksanaan undang-undang F3 Fasal 1, menjelaskan tugas sultan, Bendahara, Temenggung dan Penghulu Bendahari F4 Sultan melantik pembesar F5 Bendahara, Temenggung, Penghulu Bendahari, Laksamana [Mana-mana 2 x 1 m]	1 1 1 1 1 [2m]
1 (b)	F1 Menggugat ketenteraman dan keharmonian F2 Hukuman setimpal dikenakan F3 Perbuatan jenayah seperti membunuh, mencuri dan menikam F4 Boleh dikenakan hukuman bunuh F5 Membunuh orang lain tanpa pengetahuan raja dan pembesar F6 Akan dihukum bunuh F7 Sesiapa yang ingkar arahan sultan F8 Memalsukan titah sultan F9 Dikenakan hukuman bunuh [Mana-mana 4 x 1 m]	1 1 1 1 1 1 1 1 1 [4m]
1 (c)	F1 Mengandungi kandungan yang menyeluruh F2 Meliputi politik, ekonomi dan sosial F3 Berkaitan jenayah, peranan sultan dan pembesar, kekeluargaan dan ekonomi F4 Juga berkaitan percukaian, pelayaran dan peranan nakhoda F5 Berasaskan undang-undang Islam/syariah F6 Hukuman yang dikenakan adalah adil F7 Memberikan fokus terhadap sistem pentadbiran kerajaan <i>Mana-mana Jawapan Munasabah</i> [Mana-mana 4 x 1 m]	1 1 1 1 1 1 1 [4m]

Soalan	Perincian	Markah
2 (a)	X Penamaan calon Y Mengundi [Mana-mana 2 x 1 m]	1 1 [2m]
2 (b)	F1 Merintis jalan ke arah kemerdekaan F2 Memilih anggota Majlis Perundangan Persekutuan(MPP) F3 Memilih parti yang memerintah F2 Menentukan kerajaan F3 Memebentuk kabinet pertama F4 Menunjukkan perpaduan kaum F5 Mengurangkan kuasa pegawai British F6 Menyuburkan amalan demokrasi F7 Memberi peluang kepada rakyat terlibat dalam pemerintahan F8 Menjamin kedaulatan negara F9 Mengelakkan pergolakan politik F10 Mendaulkan kuasa rakyat <i>Mana-mana Jawapan Berkaitan</i> [Mana-mana 4 x 1 m]	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [4m]
2 (c)	F1 Baik/Tidak Baik F2 Generasi muda berpeluang memilih pemimpin F3 Mendedahkan golongan muda dalam politik F4 Generasi mudah sudah matang mennetukan hala tuju negara F5 Melibatkan lebih ramai pengundi Tidak F6 Ramai tidak keluar mengundi F7 Generasi muda belum cukup matang F8 Ramai yang masih belajar pada usia ini F9 Mudah terpengaruh dalam mambuat keputusan <i>Mana-mana Jawapan Munasabah</i> [Mana-mana 4 x 1 m]	1 1 1 1 1 1 1 1 1 [4m]
Panduan Penandaan: 1. Menjawab kedua-dua pendirian – Periksa seperti biasa tetapi ambil satu sahaja jawapan yang markah lebih tinggi. * Ajar pelajar menjawab satu pendirian sahaja. 2. Huraian – Setiap huraian satu markah. 3. Contoh- Kira satu sahaja bagi setiap isi jawapan.		

Soalan	Perincian	Markah
3 (a)	F1 Kekuasaan tertinggi F2 Kewibawaan sebuah negara yang bebas F3 Bahasa Yunani -Supernuus/Superanus/agung/tertinggi F4 Bahasa Inggeris- Sovereignty bermaksud negara berkuasa penuh terhadap pemerintahan F5 Bahasa Arab- Daulah bermaksud kuasa pemerintahan F6 Bahasa Melayu- Daulat bermaksud kekuasaan tertinggi [Mana-mana 2 x 1 m]	1 1 1 1 1 1 [2m]
3 (b)	F1 Keberkesanan pentadbiran F2 Menjalankan pentadbiran tanpa campurtangan luar F3 Dilaksanakan Jemaah Menteri dan kementerian F4 Pengagihan kuasa Kerajaan Persekutaun dan Kerajaan Negeri F5 Diperkukuh melalui peruntukan undang-undang dalam Perlembagaan Persekutuan F6 Kemakmuran ekonomi F7 Meningkatkan taraf hidup rakyat berbilang kaum F8 Meliputi pertanian, perindustrian dan perdagangan F9 Diperkenal melalui dasar pembangunan ekonomi negara F10 Kesejahteraan sosial F11 Melahirkan generasi berilmu F12 Memberi sumbangan untuk pembangunan negara F13 Memupuk muhibah melalui bahasa kebangsaan, sukan dan Rukun Negara F14 Kecemerlangan hubungan luar negara F15 Hk menjalin hubungan diplomatik dengan negara lain,persahabatan dan perjanjian F16 Menganggotai pertubuhan serantau dan antarabangsa F17 Meningkatkan imej negara F18 Masyarakat antarabangsa mengakui peranan negara kita Mana-mana Jawapan Berkaitan [Mana-mana 4 x 1 m]	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [4m]
3 (c)	F1 YDPA mahu kerajaan memastikan hak kedaulatan serta kepentingan negara sentiasa dipelihara. F2 Walaupun hanya seketul batu di tengah lautan/ walaupun hanya melibatkan kawasan yang kecil F3 Dapat memastikan negara ditadbir tanpa campurtangan kuasa asing. F4 Sumber kekayaan negara dapat dinikmati oleh rakyat tempatan/dapat memajukan negara.	1 1 1 1

	F5 Kerajaan perlu memperkukuh sistem pertahanan negara F6 Semua pihak perlu bekerjasama bagi memastikan kedaulatan negara terjamin. F7 Kedaulatan tanahair mesti dipertahankan walau dengan apa cara sekalipun demi kesejahteraan negara, <i>Mana-mana Jawapan Munasabah</i> [Mana-mana 4 x 1 m]	1 1 1 [4m]
Soalan	Perincian	Markah
4 (a)	F1 Mencapai perpaduan negara F2 pengagihan kekayaan F3 pembangunan seimbang antara negeri dan antara bandar dan luar bandar. F4 dilaksanakan melalui Rancangan Malaysia Keenam dan Rancangan Malaysia Ketujuh F5 menjadikan Malaysia sebuah negara maju berdasarkan Wawasan 2020 [mana-mana 2x1m]	1 1 1 1 1 1 [2 m]
4 (b)	i) Membasmi kemiskinan F1 Kerajaan menghapuskan kemiskinan tegar dalam kalangan pelbagai kaum khususnya golongan bumiputera F2 Pemberian subsidi dan sokongan kepada golongan penanam padi dan nelayan F3 Mempertingkatkan produktiviti pengeluaran F4 Golongan belia diberi Latihan di agensi Kerajaan F5 seperti Pusat Latihan Giatmara/ ILP/ IKM/ IKTBN F6 kursus kulinari ditawarkan di Pusat Latihan Giatmara F7 Mendapat kerja berkaitan kemahiran F8 Berpendapatan tinggi [mana-mana 2x1m] ii) Penyusunan Semula Masyarakat F1 Pembentukan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB). F2 Bertepatan dengan Perlembagaan Persekutuan (Perkara 153). F3 Meningkatkan tenaga kerja dan penyertaan bumiputera. F4 Dalam pengurusan sektor moden seperti pembuatan dan perkhidmatan. F5 Latihan dalam bidang pengurusan harta dan etika perniagaan diberikan oleh agensi kerajaan. F6 Pemberian kontrak, kuota dan lesen kepada perniagaan milik bumiputera F7 Syarikat usaha sama dengan bukan bumiputera turut dilaksanakan. F8 Perhatian khusus diberikan kepada penyertaan bumiputera dalam IKS. F9 Usaha sama secara aktif antara bumiputera dengan bukan bumiputera. F10 Untuk membolehkan syarikat bumiputera meningkatkan	1 1 1 1 1 1 1 1 1 [2 m] 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1

	prospek perniagaan. F11 Bagi membolehkan bumiputera bersaing dalam perniagaan moden. F12 Mereka didedahkan dengan teknologi terbaharu. F13 Kemudahan modal. F14 Maklumat pasaran. F15 Hubungan perniagaan dalam pasaran antarabangsa [mana-mana 2x1m]	1 1 1 1 1 [2m]
4 (c)	Berikan ulasan anda.	
	Isi tersurat	
	F1 Unjuran Pertumbuhan Ekonomi	1
	F2 Ekonomi Malaysia dijangka berkembang antara 4.5% hingga 5.5% pada tahun 2025.	1
	F3 Menunjukkan jangkaan yang positif dan stabil, mencerminkan keyakinan terhadap pemulihan dan pengukuhan ekonomi pasca-pandemik serta ketidaktentuan global.	1
	F4 Pemacu Utama Pertumbuhan	1
	F5 Permintaan Domestik, Penggunaan Swasta dijangka meningkat sebanyak +5.6% (berbanding 5.1% pada 2024).	1
	F6 Pelaburan Swasta melonjak kepada +10.1% (berbanding 12.3% pada 2024).	1
	F7 Penawaran, Perkhidmatan meningkat +5.7%, manakala Perkilangan mencatat peningkatan +3.9%.	1
	F8 Peningkatan dalam penggunaan swasta dan pelaburan menandakan keyakinan pengguna dan pelabur, yang penting dalam merangsang ekonomi.	1
	F9 Faktor Mendorong Prospek Pertumbuhan	1
	F10 Perbelanjaan pemulihan Isi Rumah Lebih Tinggi: Pengguna dijangka berbelanja lebih.	1
	F11 Aktiviti Pelaburan Kukuh: Peniaga dan pelabur giat membuat pelaburan.	1
	F12 Pertumbuhan Eksport Stabil: Walaupun sederhana, eksport kekal kukuh dalam pasaran antarabangsa.	1
	F13 Ketiga-tiga faktor ini memberi kesan langsung kepada peningkatan permintaan dan penawaran, seterusnya merangsang pertumbuhan ekonomi.	1
	F14 Potensi Pertumbuhan Menjadi Lebih Tinggi	1
	F15 Permintaan Luaran Lebih Tinggi: Melalui kejayaan perjanjian perdagangan.	1
	F16 Pertumbuhan Industri Teknologi: Kesan positif daripada perkembangan global.	1
	F17 Pelancongan Semakin Kukuh: Pemulihan sektor pelancongan memberi impak ekonomi.	1
	F18 Pelaksanaan Projek Lebih Cepat: Menunjukkan kerajaan memberi tumpuan pada pembangunan infrastruktur	1
	Isi tersirat	
	Kepentingan:	
	F1 Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat	1

F2	Pertumbuhan ekonomi sebanyak 4.5% hingga 5.5% dapat meningkatkan peluang pekerjaan dan pendapatan isi rumah.	1
F3	Menarik Pelaburan	1
F4	Aktiviti pelaburan kukuh dan pertumbuhan pesat industri teknologi menjadikan Malaysia destinasi yang menarik untuk pelabur tempatan dan asing.	1
F5	Mengukuhkan Sektor Perniagaan dan Industri	1
F6	Sektor perkhidmatan dan pelaburan swasta yang berkembang memberi ruang kepada usahawan dan perniagaan untuk terus berkembang.	1
F7	Mempercepatkan Transformasi Digital dan Teknologi	1
F8	Pertumbuhan pesat industri teknologi menyokong transformasi ekonomi berasaskan digital dan inovasi.	1
Kesan Positif:		
F1	Peningkatan penggunaan swasta dan pelaburan swasta memacu permintaan domestik.	1
F2	Sektor pelancongan dan pembinaan dijangka mengukuh, memberi kesan positif kepada sektor sokongan lain seperti perhotelan dan bahan binaan.	1
F3	Pendapatan negara meningkat, membolehkan kerajaan melaksanakan lebih banyak projek pembangunan dan bantuan sosial.	1
Usaha Kerajaan Meningkatkan Pembangunan Ekonomi Negara:		
F1	Meningkatkan Pelaburan Infrastruktur	1
F2	Pelaksanaan projek-projek awam dengan lebih cepat untuk merangsang ekonomi tempatan.	1
F3	Menggalakkan Penggunaan Domestik	1
F4	Galakan kepada rakyat untuk berbelanja, terutamanya isi rumah, untuk menggerakkan ekonomi.	1
F5	Sokongan kepada Industri Teknologi	1
F6	Menyediakan insentif dan dasar mesra inovasi untuk mempercepatkan kemajuan teknologi tempatan.	1
F7	Memperkukuhkan Perdagangan Antarabangsa	1
F8	Menandatangani perjanjian perdagangan dan memperluas pasaran eksport.	1
F9	Menggalakkan Sektor Pelancongan	1
F10	Promosi destinasi pelancongan dan peningkatan kemudahan pelancong bagi menarik pelancong luar.	1
		[4m]
Panduan Penandaan:		
• Menyalin keseluruhan teks – Maksimum 1 markah • Mengubah sedikit keseluruhan teks dengan penambahan penanda wacana – Maksimum 2 markah. • Hanya mengemukakan isi petikan tanpa huraian isi berdasarkan idea sendiri – Maksimum 2 markah. • Menulis isi yang tidak relevan dengan isi poster – 0 markah • Murid boleh tulis isi tersirat dengan memberi fokus kepada		

	kepentingan/ Kesan/ Langkah/ usaha. Jika murid tulis satu fokus isi tersirat dapat markah.	
	(mana-mana jawapan yang munasabah)	[mana-mana 4x1m]

Soalan	Perincian	Markah
5 (a)	Huraikan perkembangan nasionalisme yang berlaku di Thailand.	
	F1 Nasionalisme di Thailand bertujuan mempertahankan kedaulatan negara	1
	F2 dan menuntut penglibatan rakyat dalam pemerintahan	1
	F3 Gerakan ini tidak bersifat anti-penjajah seperti di negara Asia Tenggara lain	1
	F4 Raja Mongkut memulakan usaha diplomasi dan pemodenan untuk mengelak penjajahan.	1
	F5 Baginda menjalin hubungan baik dengan kuasa Barat	1
	F6 seperti British, Amerika Syarikat dan Perancis.	1
	F7 Baginda melaksanakan pemodenan dengan melaksanakan birokrasi / pentadbiran ala Barat.	1
	F8 Penasihat Barat dibawa masuk untuk melatih pegawai tempatan	1
	F9 dalam bidang pentadbiran kewangan/ pelabuhan/ kastam/ ketenteraan dan polis.	1
	F10 Guru dari Barat, terutamanya British turut dibawa masuk untuk melaksanakan sistem pendidikan Barat	1
	F11 Langkah tersebut membentuk imej Thailand sebagai negara yang bersahabat dengan Barat	1
	F12 Raja Chulalongkorn meneruskan dasar terbuka Raja Mongkut/ ayahandanya	1
	F13 Tujuan utama ialah untuk memastikan Thailand kekal bebas daripada penjajahan kuasa Barat.	1
	F14 Nasionalisme dalam kalangan rakyat timbul semasa pemerintahan Raja Vajiravudh.	1
	F15 Kelemahan pentadbiran baginda menimbulkan kegelisahan rakyat.	1
	F16 Ketidakpuasan rakyat berpunca daripada penguasaan politik oleh kerabat diraja.	1
	F17 Nai Pridi Phanomyong dan Field Marshal Phibulsongkram menubuhkan Parti Rakyat.	1
	F18 Parti Rakyat melancarkan Revolusi Thai pada tahun 1932.	1
	F19 Revolusi ini menamatkan pemerintahan raja berkuasa mutlak.	1
	F20 Pemerintahan raja berperlembagaan diperkenalkan.	1
	F21 Raja diletakkan sebagai ketua negara tetapi tidak mencampuri urusan pentadbiran.	1
	F22 Perdana Menteri mentadbir negara.	1
	F23 Nasionalisme beralih kepada isu penguasaan ekonomi oleh kapitalis Barat dan orang Cina.	1
	F24 Rakyat tidak puas hati dengan keadaan ini.	1

	F25 Perdana Menteri Phibulsongkram memperkenalkan undang-undang menyekat penguasaan ekonomi oleh orang Cina. F26 Dasar ini menggalakkan penglibatan peribumi dalam ekonomi negara. [Mana-mana 6 x 1 m]	1 1 [6m]
(b)	Jelaskan ikhtibar perjuangan pemimpin terdahulu di Thailand. F1 Semangat perjuangan pemimpin Thailand boleh dijadikan contoh untuk mempertahankan kedaulatan negara. F2 Mereka berani menentang penguasaan politik yang tidak adil seperti pemerintahan mutlak raja. F3 Tindakan menubuhkan Parti Rakyat oleh Nai Pridi Phanomyong dan Phibulsongkram menunjukkan pentingnya kesatuan dalam perjuangan. F4 Perjuangan mereka berjaya menamatkan pemerintahan raja mutlak dan memperkenalkan sistem raja berperlembagaan. F5 Ini menunjukkan perubahan boleh berlaku jika rakyat dan pemimpin bersatu dan berani. F6 Mereka juga melindungi kepentingan rakyat dalam bidang ekonomi dengan menyekat penguasaan asing seperti orang Cina dan kapitalis Barat. F7 Tindakan ini membuktikan pentingnya pemimpin menjaga kebajikan rakyat dan memajukan ekonomi negara. F8 Kerjasama strategik dengan Jepun semasa Perang Dunia Kedua menunjukkan kebijaksanaan dalam diplomasi. F9 Mereka berjuang tanpa mengangkat senjata tetapi melalui tindakan politik dan strategi. F10 Ikhtibar ini mengajar kita bahawa ilmu, keberanian dan semangat nasionalisme sangat penting untuk mempertahankan negara. F11 Pemimpin terdahulu menjadi inspirasi untuk generasi hari ini dalam menghadapi cabaran semasa. <i>Mana-mana Jawapan munasabah</i> [Mana-mana 6 x 1 m]	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [6m]
(c)	F1 Perjuangan pemimpin terdahulu merupakan asas kepada kemerdekaan dan jati diri bangsa Malaysia. F2 Pengorbanan mereka patut diingati, dihargai dan diteladani oleh generasi masa kini. F3 Petikan ini memaparkan pandangan Timbalan Perdana Menteri tentang warisan semangat Merdeka dan perpaduan negara. F4 Pemimpin seperti Yusuf Merais dan Rosli Dhobi berjuang dengan penuh keazaman dan keberanian. H4 Mereka berjuang menentang penjajah demi masa depan negara. H5 Keberanian mereka menjadi asas kepada pembentukan jati diri bangsa Malaysia yang cintakan tanah air. F5 Semangat Merdeka ialah warisan berharga daripada perjuangan tokoh terdahulu. H6 Cahaya Merdeka menjadi sumber semangat untuk kita terus	1 1 1 1 1 1 1

membina negara.	1
H7 Ia menyedarkan rakyat agar menghargai kemerdekaan yang telah dicapai.	1
F6 Masyarakat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum dan etnik yang saling melengkapi.	1
H8 Kepelbagaian ini menyumbang kepada keharmonian dan kemakmuran negara.	1
H9 Perpaduan kaum adalah kesinambungan daripada semangat perjuangan pemimpin terdahulu.	1
F7 Perpaduan adalah hasil perjuangan tokoh kemerdekaan yang ingin melihat rakyat hidup bersatu.	1
H10 Ungkapan “Segulai Sejalai” melambangkan semangat seiring dan sejalan menuju kemajuan negara.	1
H11 Rakyat perlu terus bersatu demi memelihara kemakmuran hasil perjuangan terdahulu.	1
Kepentingan Meneladani Perjuangan Pemimpin Terdahulu	
F8 Mengukuhkan semangat patriotisme dan cintakan negara.	1
F9 Mengajar nilai pengorbanan, keberanian dan kesatuan dalam kalangan rakyat.	1
F10 Menyedarkan generasi muda tentang pentingnya mempertahankan kedaulatan negara.	1
F11 Membentuk masyarakat yang bersatu padu dan berilmu untuk meneruskan pembangunan negara.	1
F12 Memelihara keamanan dan kemerdekaan negara daripada ancaman luar dan dalam.	1
F13 Perjuangan pemimpin terdahulu perlu dihargai dan dijadikan inspirasi sepanjang masa.	1
F14 Generasi hari ini bertanggungjawab menyambung legasi tersebut dengan semangat bersatu, berilmu dan berakhlak.	1
F15 Hanya dengan meneladani nilai perjuangan terdahulu, kita mampu mengekalkan keamanan dan kemajuan negara.	1
<i>Mana-mana Jawapan Munasabah</i>	
[Mana-mana 8 x 1 m]	[8m]

Soalan	Perincian	Markah
6 (a)	F1 Mengembalikan kuasa Raja-raja Melayu F2 Majlis Raja-raja di wujudkan F3 Dipengerusikan oleh seorang daripada Raja-raja Melayu F4 Keanggotaannya terdiri daripada sembilan orang raja Melayu F5 Raja bertanggungjawab mengesahkan rang undang-undang F6 Raja perlu di rujuk terhadap perkara dalam bidang kuasa kerajaan Persekutuan F7 Mengiktiraf kedudukan istimewa orang Melayu F8 Orang Melayu diiktiraf sebagai penduduk asal F9 Persekutuan Tanah Melayu bertaraf 'naungan' bukan 'jajahan' F10 Perkataan "Negeri-negeri Melayu" perlu muncul dalam Persekutuan [Mana-mana 6 x 1 m]	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [6m]
6 (b)	F1 Menggambarkan toleransi penduduk Tanah Melayu F2 Kaum bukan Melayu mengakui Orang Melayu sebagai penduduk asal rantau Alam Melayu F3 Mengiktiraf kedudukan istimewa orang Melayu F4 Sebagai tolak ansur, kepentingan sah kaum lain dipelihara F5 Orang Melayu bersetuju membuka ruang kewarganegaraan kepada kaum bukan Melayu F6 Penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum atau Communities Liaison Committee (CLC) F7 Berjaya memupuk persefahaman antara pemimpin pelbagai kaum F8 Cadangan CLC dimasukkan ke dalam usul perundangan yang diluluskan oleh Majlis Perundangan Persekutuan F9 Isu berkaitan dengan kaum diselesaikan melalui pendekatan muafakat dan perundingan F10 Gabungan kuat antara rakyat dengan pemimpin dipayungi oleh Raja-raja Melayu <i>Mana-mana Jawapan Berkaitan</i> [Mana-mana 6 x 1 m]	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [6m]
6 (c)	Aras 4 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/ contoh sangat sesuai	7 – 8

	Membuat inferens yang tepat Jawapan sangat mendalam/terperinci Komunikasi/pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan <i>Mesej dari petikan:</i> -Kerajaan perlu merangka satu dasar untuk mengukuhkan keharmonian dan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia - Hubungan perpaduan antara kaum di negara ini masih belum sempurna, walaupun setelah lebih 60 tahun Malaysia dibentuk -Masih ada generasi yang gagal menguasai bahasa kebangsaan - Gagal memahami budaya hidup kaum lain - Jika hendak melahirkan generasi masa depan yang bersatu padu dan saling memahami, mesti membentuk mereka sejak dari kecil Kepentingan perpaduan dalam membentuk identiti bangsa Malaysia: - Perpaduan kaum memastikan rakyat Malaysia hidup dalam suasana aman dan harmoni, tanpa mengira perbezaan agama, budaya, dan bahasa - Malaysia yang mempunyai rakyat berbilang kaum yang bersatu padu akan menjadi contoh kepada negara lain dan meningkatkan imej negara di persada dunia. -Perpaduan membantu membentuk identiti nasional yang kukuh dan membanggakan, di mana rakyat merasa memiliki dan cintakan negara -Dengan perpaduan, rakyat Malaysia dapat mencapai cita-cita bersama untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan makmur Aras 3 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/ contoh sangat sesuai Membuat inferens Jawapan mendalam Komunikasi/pengolahan menarik Aras 2	5 – 6
--	---	---------------------

Pengetahuan dan pemahaman jelas Jawapan kurang mendalam Menyatakan hujah secara ringkas	3 – 4
Aras 1 Pengetahuan dan pemahaman terhad Jawapan secara umum	1 - 2

Soalan	Perincian	Markah
7 (a)(i)	F1 Pemerintahan beraja 1 F2 Mengikut peruntukan Perlembagaan Persekutuan 1 F3 Perlembagaan Persekutuan mengiktiraf kedudukan dan peranan institusi beraja 1 F4 Terdapat tiga institusi beraja 1 F5 Majlis Raja-Raja, institusi beraja di negeri-negeri, institusi Yang Dipertuan Agong di peringkat Persekutuan 1 F6 Yang Dipertuan Agong sebagai Ketua Utama Negara 1 F7 Termaktub dalam Perkara 32 Perlembagaan Persekutuan 1 F8 Yang Dipertuan Agong dipilih dalam kalangan raja yang memerintah di sembilan buah negeri 1 F9 Tidak boleh dikenakan apa-apa jua pun prosiding di dalam mana-mana mahkamah kecuali di dalam Mahkamah Khas 1 F10 Isteri Yang di-Pertuan Agong (digelar Raja Permaisuri Agong) hendaklah diberi keutamaan daripada segala orang lain di dalam Persekutuan selepas Yang di-Pertuan Agong 1 F11 Yang di-Pertuan Agong hendaklah dipilih oleh Majlis Raja-Raja 1 F12 Memegang jawatan dalam tempoh lima tahun 1 F13 Boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dan dipecat. 1 F14 Pemilihan dilaksanakan oleh Majlis Raja-Raja 1 F15 Yang DiPertuan Agong mempunyai kuasa dan peranan dalam pemerintahan meliputi kuasa eksekutif, perundangan dan kehakiman 1 <i>Mana-mana jawapan berkaitan</i> [Mana-mana 6 x 1 m]	[6m]
7(a)(ii)	F1 Amalan pilihan raya 1 F2 Mendapatkan mandat rakyat untuk memerintah/membentuk kerajaan 1 F3 Warganegara yang layak memilih pemimpin untuk mencorakkan pemerintahan 1 F4 Parlimen mengandungi perwakilan dipilih rakyat 1 F5 Kebebasan asasi 1 F6 Kebebasan diri 1	

	F7 Kebebasan beragama F8 Hak berkenaan Pendidikan F9 Kebebasan bersuara / berhimpun / berpersatuan F10 Pengasingan kuasa pemerintahan F11 Badan perundangan/ eksekutif / kehakiman F12 Parlimen/Perdana Menteri/Jemaah Menteri Mahkamah F13 Gubal undang-undang/laksana desa /laksana keadilan F14 Semak dan imbang dalam pemerintahan <i>Mana-mana Jawapan Berkaitan</i> [Mana-mana 6 x 1 m]	1 1 1 1 1 1 1 1 1 [6m]
7 (b)	Aras 4 Pengetahuan dan pemahaman yang jelas Bukti/ contoh yang sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan sangat mendalam/terperinci Komunikasi/pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan Contoh: Maklumat terkandung - Institusi Raja Berpelembagaan adalah penting untuk dikekalkan bagi memastikan bahawa demokrasi berparlimen yang diamalkan negara ini sejak mencapai kemerdekaan terus terpelihara secara adil dan saksama. - Institusi berkenaan bersifat neutral serta tidak berpihak kepada mana-mana parti dalam menentukan kerajaan yang akan mentadbir negara. - Peranan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Utama Negara adalah untuk melantik ketua kerajaan atau perdana menteri yang akan mentadbir negara ini. - Bila ada raja maka ada kesinambungan dan tidak perlu pilihan raya untuk rakyat pilih ketua negara - Cuma ada pilihan raya untuk memilih kerajaan - Keunikan peranan Yang di-Pertuan Agong adalah apabila berlaku situasi Parlimen tergantung, yakni sekiranya tiada mana-mana parti memperoleh kemenangan majoriti pada pilihan raya umum (PRU). Kesan jika sistem Raja Berperlembagaan tidak dipertahankan - Kehilangan identiti negara - Sistem raja berperlembagaan adalah sebahagian daripada identiti Malaysia yang unik. Jika sistem ini dihapuskan, ia boleh menyebabkan hilangnya warisan budaya, adat resam, dan cara hidup yang telah lama diamalkan. - Ketidakstabilan politik -Raja berperanan sebagai lambang perpaduan dan kestabilan	7 - 8



	negara. Tanpa institusi ini, negara mungkin terdedah kepada konflik politik dan perebutan kuasa. -Kedaulatan undang-undang terjejas - Raja, terutamanya Yang di-Pertuan Agong, mempunyai peranan dalam memastikan keadilan dan kedaulatan undang-undang. Ketiadaan sistem ini boleh melemahkan sistem perundangan dan pentadbiran negara. -Kehilangan harta dan tanah -Institusi raja juga mempunyai peranan dalam pemilikan harta dan tanah negara. Penghapusan sistem ini boleh mengakibatkan kehilangan harta dan tanah yang penting bagi negara. -Demokrasi berparlimen terjejas -Sistem raja berperlembagaan penting dalam menjaga keseimbangan antara kuasa eksekutif, legislatif, dan kehakiman. Penghapusan sistem ini boleh mengganggu sistem demokrasi berparlimen yang diamalkan di Malaysia.	
	Aras 3 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti//contoh yang sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan yang mendalam Komunikasi/pengolahan sangat menarik Contoh: <i>Maklumat terkandung</i> - Institusi Raja Berpelembagaan adalah penting untuk dikekalkan bagi memastikan bahawa demokrasi berparlimen yang diamalkan negara ini sejak mencapai kemerdekaan terus terpelihara secara adil dan saksama. - Institusi berkenaan bersifat neutral serta tidak berpihak kepada mana-mana parti dalam menentukan kerajaan yang akan mentadbir negara. - Peranan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Utama Negara adalah untuk melantik ketua kerajaan atau perdana menteri yang akan mentadbir negara ini. <i>Kesan jika sistem Raja Berperlembagaan tidak dipertahankan</i> - Kehilangan identiti negara - Sistem raja berperlembagaan adalah sebahagian daripada identiti Malaysia yang unik. Jika sistem ini dihapuskan, ia boleh menyebabkan hilangnya warisan budaya, adat resam, dan cara hidup yang telah lama diamalkan. - Ketidakstabilan politik	5 - 6
	Aras 2 Pengetahuan dan pemahaman yang jelas Jawapan kurang mendalam	3 - 4

	Menyatakan hujah secara ringkas Contoh: Maklumat terkandung -Institusi Raja Berpelembagaan adalah penting untuk dikekalkan bagi memastikan bahawa demokrasi berparlimen yang diamalkan negara ini sejak mencapai kemerdekaan terus terpelihara secara adil dan saksama. -Institusi berkenaan bersifat neutral serta tidak berpihak kepada mana-mana parti dalam menentukan kerajaan yang akan mentadbir negara. Kesan jika sistem Raja Berperlembagaan tidak dipertahankan - Kehilangan identiti negara - Sistem raja berperlembagaan adalah sebahagian daripada identiti Malaysia yang unik. Jika sistem ini dihapuskan, ia boleh menyebabkan hilangnya warisan budaya, adat resam, dan cara hidup yang telah lama diamalkan.	
	Aras 1 Pengetahuan dan pemahaman terhadap Jawapan secara umum Contoh: Maklumat terkandung -Institusi Raja Berpelembagaan adalah penting untuk dikekalkan bagi memastikan bahawa demokrasi berparlimen yang diamalkan negara ini sejak mencapai kemerdekaan terus terpelihara secara adil dan saksama. -Institusi berkenaan bersifat neutral serta tidak berpihak kepada mana-mana parti dalam menentukan kerajaan yang akan mentadbir negara. Kesan jika sistem Raja Berperlembagaan tidak dipertahankan -Kehilangan identiti negara -Hilangnya warisan budaya, adat resam, dan cara hidup yang telah lama diamalkan. Panduan Penandaan: • Calon Wajib menjawab kedua-dua tugas. • Menjawab satu tugas – Maksimum 4 markah. • Menjawab kedua-dua tugas/ sekurang-kurangnya satu isi bagi setiap tugas – Maksimum 8 markah • Menyalin keseluruhan petikan tanpa olahan – Maksimum 2 markah • Mengubah sedikit keseluruhan petikan dengan penabahan penanda wacana – Maksimum 4 markah.	1-2

8 (a)	F1	Siri lawatan	1
	H1a	Tunku Abdul Rahman mengadakan lawatan ke Sarawak/Brunei	1
	H1b	Meninjau/bertemu dengan pemimpin tempatan	1
	H1c	Menerangkan rancangan pembentukan Malaysia	1
	H1d	Mengatur lawatan pemimpin Sarawak dan Sabah ke PTM	1
	H1e	Meninjau kemajuan di PTM	1
	H1f	Novemberr 1962, Tunku Abdul Rahman mengadakan lawatan ke Sarawak / Sabah	1
	H1g	Lawatan rombongan Dr. Burhanuddin al Helmi/Ghafar Baba ke Sarawak / Sabah	1
	H1h	Menjelaskan gambaran sebenar rancangan Malaysia kepada penduduk Sarawak / Sabah	1
	F2	Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM) / Jawatakuasa Perundingan Perpaduan Kaum (JPPM)	1
	H2a	Ditubuhkan semasa Persidangan Ahli-ahli Parlimen Komanwel di Singapura	1
	H2b	Bermesyuarat sebanyak empat kali/Jesselton/ Kuching / Kuala Lumpur/ Singapura	1
	H2c	Meyakinkan penduduk Sarawak / Sabah	1
	H2d	Menyediakan ruang perbincangan bagi mendapatkan kata sepakat	1
	H2e	Mengumpulkan pandangan	1
	H2f	Menyebarkan maklumat berkaitan Malaysia	1
	H2g	Memupuk aktiviti penghebahan/mempercepat pembentukan Malaysia	1
	H2h	Mendedahkan perkembangan kemajuan dalam pentadbiran / projek pembangunan di Persekutuan Tanah Melayu	1
	H2i	Membuat keputusan menyokong penubuhan Malaysia	1
	H2j	Memberi kefahaman kepada pemimpin tempatan /	1

	mendapatkan sokongan terhadap pembentukan Malaysia	
F3	Referendum/Pungutan Suara Singapura	1
H3a	Rundingan kerajaan PTM dengan Singapura menghasilkan persetujuan penyertaan Singapura ke dalam Malaysia	1
H3b	Referendum diadakan pada awal September 1962	1
H3c	Keputusan referendum menunjukkan rakyat Singapura bersetuju bergabung membentuk Malaysia	1
H3d	Mengikut syarat ditetapkan Singapura / PTM	1
H3e	Membolehkan Singapura menyertai Malaysia	1
F4	Rundingan London	1
H4a	Rundingan antara kerajaan PTM dengan kerajaan British	1
H4b	Bersetuju menubuhkan sebuah suruhanjaya bagi meninjau reaksi penduduk di Sarawak / Sabah	1
F5	Suruhanjaya Cobbold	1
H5a	Mengandungi wakil kerajaan British / PTM	1
H5b	Lord Cobbold dilantik menjadi Pengerusi	1
H5c	Ahli-ahli lain – Sir Anthony Abell / Sir David Wathenson / Muhammad Ghazali Shafie / Wong Pow Nee	1
H5d	Melawat 35 pusat lawatan di Sarawak / Sabah	1
H5e	Jun 1962, menyerahkan laporan kepada kerajaan British dan PTM	1
H5f	2/3 penduduk menyokong pembentukan Malaysia	1
H5g	Mengesyorkan Perlembagaan 1957 dijadikan asas Perlembagaan PTM yang baharu	1
H5h	Mencadangkan kuasa autonomi / jaminan khas diberi kepada Sarawak / Sabah	1
H5i	Tidak boleh dipinda / dibatalkan oleh Kerajaan Persekutuan tanpa mendapat kebenaran kerajaan negeri berkenaan	1
F6	Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK)	1
H6a	Diwakili kerajaan British / PTM / Sarawak / Sabah	1
H6b	Menyediakan rangka perlembagaan/melindungi kepentingan Sarawak/Sabah	1
H6d	Dianggotai oleh Lord Lansdowne/ Dato Abdul Razak Hussein/ wakil Sarawak (Ketua Setiausaha / Peguam Negeri / wakil Sarawak (Ketua Setiausaha / Peguam Negeri / Setiausaha Kewangan / Datu Bandar Abang Haji Mustapha / Temenggung Jugah Anak Barieng / Pengarah Montegrai / Lim Beng Siew / Chia Chin Sin)/ wakil Sabah (Ketua Setiausaha / Peguam Negeri / Setiausaha Kewangan / Datu Mustapha Datu Harun / Donald Stephens / Koo Siak Chiew	1
H6e	Mempunyai lima jawatankuasa kecil/ Perlembagaan / Kewangan / Perkhidmatan Awam / Perundangan dan Kehakiman / Organisasi Jabatan	1
H6f	Mengadakan mesyuarat di Jesselton /Kuala Lumpur	1
H6g	Mengusulkan 18 perkara bagi Sarawak / 20 Perkara bagi Sabah	1
H6h	Islam adalah agama Persekutuan Malaysia tetapi dikecualikan	

	kepada Sarawak / Sabah	1
H6i	Bahasa Melayu bahasa rasmi Persekutuan tetapi bahasa Inggeris juga digunakan sebagai bahasa rasmi Sarawak / Sabah	1
H6j	Sistem pendidikan dikekalkan di bawah kawalan Persekutuan kecuali Sarawak / Sabah	1
H6k	Sistem pendidikan di Sarawak / Sabah kekal di bawah kawalan kerajaan negeri sehingga Majlis Negeri membuat pindaan	1
H6l	Parlimen Malaysia/ 24 kerusi untuk Sarawak/16 untuk Sabah /15 untuk Singapura	1
H6m	Sarawak / Sabah diberi kuasa tersendiri untuk mengendalikan hal ehwal imigresen [mana-mana 6 x 1m]	[6m]
8 (b)	Inti Pati Perjanjian Malaysia	1
F1	Tarikh pembentukan Malaysia adalah pada 31 Ogos 1963.	1
F2	Sarawak, Sabah dan Singapura akan menjadi ahli dalam Persekutuan Malaysia bersama-sama Persekutuan Tanah Melayu.	
F3	Kerajaan British akan mengiktiraf kedaulatan Sarawak, Sabah dan Singapura dalam Malaysia.	
F4	Memberikan kelebihan kepada Sarawak dan Sabah menubuhkan kabinet negeri.	1
F5	Memperuntukkan tempoh masa peralihan, contohnya dalam bidang pentadbiran awam serta pendidikan kepada Sarawak dan Sabah.	1
F6	Kerusi Parlimen diberikan kepada Singapura sebanyak 15 kerusi; Sarawak 24 kerusi; dan Sabah 16 kerusi.	
F7	Penduduk bumiputera di Sarawak dan Sabah mendapat pengiktirafan sama seperti orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan. Kepentingan	1
F8	Pembentukan Malaysia yang terdiri daripada Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sarawak dan Sabah.	1
F9	Singapura, Sarawak dan Sabah mencapai kemerdekaan.	
F10	Menjamin hak dan autonomi Sabah dan Sarawak /Imigresen, hak terhadap hasil bumi, Bahasa Inggeris boleh digunakan dalam urusan rami dan sitem pendidikan dan undang-undang yang sedikit berbeza.	1
F11	Menjamin kedudukan istimewa kaum bumiputera Sabah dan Sarawak / Kaum bumiputera Sabah dan Sarawak mendapat hak keistimewaan yang sama seperti penduduk Bumiputera di Persekutuan Tanah Melayu.	1
F12	Mewujudkan perpaduan dan integrasi nasional yang lebih luas dan kukuh,	1
F13	Mengelakkan ancaman komunis terutama di Singapura dan Sarawak. (Mana-mana jawapan berkaitan)	1
	[Mana-mana 6 x 1 m] <i>Nota : Jawapan calon perlu mengandungi intipati dan kepentingan</i>	[6 m]

8 (c)	Aras 4 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/contoh sangat sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan yang sangat mendalam dan terperinci Komunikasi/pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan <i>Contoh:</i> a. Maklumat daripada petikan - Malaysia hari ini menonjol di mata dunia sebagai negara contoh yang menyajikan bagaimana masyarakat daripada pelbagai etnik yang berbeza dapat hidup dalam aman dan harmoni serta bekerjasama untuk kemajuan dan kesejahteraan negara. -Sebagai sebuah negara yang mempunyai pelbagai kaum, budaya dan agama, Malaysia sememangnya unik dalam membuktikan bagaimana kepelbagaian dapat disatukan dan dimanfaatkan untuk pembinaan negara. -Malaysia mempunyai peluang untuk mengukuhkan kedudukannya sebagai panduan penanda perpaduan serta perpaduan sosial dalam demografi penduduknya yang terdiri daripada pelbagai kaum. -Kepelbagaian Malaysia melangkaui ciri demografi yang berfungsi sebagai sumber kekuatan dan daya tahan yang mendalam. -Dengan komposisi berbilang kaum Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan dan pelbagai kumpulan peribumi, masing-masing menyumbangkan perspektif dan pengalaman yang berbeza. -Menerima kepelbagaian ini bermakna masyarakatnya bergerak melangkaui toleransi untuk kita semua secara aktif menghargai dan meraikan budaya yang berbeza. -Kempen kerajaan dan pelbagai acara komuniti yang menonjolkan kekayaan latar budaya Malaysia boleh memupuk rasa bangga dan kekitaan bersama. b. Langkah -Memperkuh sistem pendidikan kebangsaan -Menggalakkan interaksi sosial dan kebudayaan	7 - 8
-------	--	-------

	-Memperkasa bahasa Melayu sebagai medium perpaduan -Memperkukuh sistem politik dan keadilan sosial -Memperkasa ekonomi yang saksama antara kaum -Menguatkuasakan Akta Hasutan -Memperkukuh semangat patriotisme [mana-mana jawapan yang munasabah] Aras 3 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/contoh sesuai Membuat inferens Jawapan mendalam Komunikasi/pengolahan menarik <i>Contoh:</i> -Malaysia hari ini menonjol di mata dunia sebagai negara contoh yang menyajikan bagaimana masyarakat daripada pelbagai etnik yang berbeza dapat hidup dalam aman dan harmoni serta bekerjasama untuk kemajuan dan kesejahteraan negara. -Sebagai sebuah negara yang mempunyai pelbagai kaum, budaya dan agama, Malaysia sememangnya unik dalam membuktikan bagaimana kepelbagaianya dapat disatukan dan dimanfaatkan untuk pembinaan negara. -Malaysia mempunyai peluang untuk mengukuhkan kedudukannya sebagai panduan penanda perpaduan serta perpaduan sosial dalam demografi penduduknya yang terdiri daripada pelbagai kaum. -Kepelbagaian Malaysia melangkaui ciri demografi yang berfungsi sebagai sumber kekuatan dan daya tahan yang mendalam. -Dengan komposisi berbilang kaum Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan dan pelbagai kumpulan peribumi, masing-masing menyumbangkan perspektif dan pengalaman yang berbeza. Aras 2 Pengetahuan dan pemahaman jelas Jawapan kurang mendalam Menyatakah hujah secara ringkas Contoh	5 - 6
--	--	--------------

	- Malaysia hari ini menonjol di mata dunia sebagai negara contoh yang menyajikan bagaimana masyarakat daripada pelbagai etnik yang berbeza dapat hidup dalam aman dan harmoni serta bekerjasama untuk kemajuan dan kesejahteraan negara. -Sebagai sebuah negara yang mempunyai pelbagai kaum, budaya dan agama, Malaysia sememangnya unik dalam membuktikan bagaimana kepelbagaian dapat disatukan dan dimanfaatkan untuk pembinaan negara. -Malaysia mempunyai peluang untuk mengukuhkan kedudukannya sebagai panduan penanda perpaduan serta perpaduan sosial dalam demografi penduduknya yang terdiri daripada pelbagai kaum. -Kepelbagaian Malaysia melangkaui ciri demografi yang berfungsi sebagai sumber kekuatan dan daya tahan yang mendalam. Aras 1 Pengetahuan dan pemahaman terhadap Jawapan secara umum - Malaysia hari ini menonjol di mata dunia sebagai negara contoh yang menyajikan bagaimana masyarakat daripada pelbagai etnik yang berbeza dapat hidup dalam aman dan harmoni serta bekerjasama untuk kemajuan dan kesejahteraan negara. -Sebagai sebuah negara yang mempunyai pelbagai kaum, budaya dan agama, Malaysia sememangnya unik dalam membuktikan bagaimana kepelbagaian dapat disatukan dan dimanfaatkan untuk pembinaan negara. Nota: 1. Calon WAJIB menjawab kedua-dua tugas. 2. Jika calon hanya menjawab satu tugas – Maksimum 3 markah Jika calon menyalin petikan tanpa olahan – 2 markah	3 - 4 1 - 2
--	--	---

Soalan	Perincian	Markah
9 (a)	Jelaskan latar belakang penubuhan ASEAN F1 Ditubuhkan pada 8 ogos 1967, melalui deklarasi Bangkok F2 Terdapat lima negara pengasas. F3 Malaysia, Indonesia, Thailand, Filipina dan Singapura. F4 Tujuan penubuhannya untuk mewujudkan kerjasama serantau F5 Dalam bidang ekonomi, sosial, kebudayaan dan keselamatan [Mana-mana 4 x 1 m]	1 1 1 1 [4m]
9 (b)	1. Keamanan F1 Usaha ASEAN untuk mengekalkan keharmonian dan mengelakkan konflik antara negara-negara anggota F2 ASEAN sering menganjurkan dialog dan kerjasama diplomatik untuk menyelesaikan pertikian secara aman 2. Kestabilan F3 Penting untuk memastikan ekonomi, politik dan sosial negara ASEAN berjalan lancar F4 Mewujudkan dasar bersama dan menyokong antara satu sama lain dalam menghadapi cabaran global 3. Kegigihan. F5 Semangat tidak menyerah kalah dalam mencapai matlamat F6 ASEAN menunjukan kegigihan dalam memperkukuh kerjasama ekonomi, menangani isu-isu alam sekitar dan mengatasi cabaran F7 contoh : Pendemik dan perubahan iklim. 4 Kedinamikan	1 1 1 1 1 1 1

[illegible]

-Pertikaian Laut China Selatan -Tuntutan bertindih antara China dan beberapa negara ASEAN seperti Vietnam, Filipina dan Malaysia -Kesannya berlaku ketegangan diplomatik dan ancaman keselamatan maritim	1 1 1
Langkah Mengatasi Pencemaran Jerebu -Kerjasama serantau dalam kawalan pembakaran terbuka. -Penguatkuasaan undang-undang alam sekitar di negara asal (contoh: Indonesia). -Perkongsian teknologi pemantauan udara antara negara anggota. -Penubuhan pasukan pantau jerebu ASEAN. Isu Myanmar -ASEAN perlu bersuara tegas mengenai hak asasi manusia. -Sokongan kepada proses rundingan damai dan dialog nasional. -Bantuan kemanusiaan kepada pelarian tanpa mengira sempadan. Jurang Ekonomi Antara Negara Asean -Perkongsian pelaburan & teknologi dengan negara kurang membangun. -Program biasiswa dan latihan teknikal ASEAN. -Rangka kerja ASEAN Economic Community (AEC) diperkukuh. Pertikaian Laut China Selatan -Diplomasi berterusan untuk elakkan ketegangan tentera. Tingkatkan keselamatan maritim dan kawalan sempadan bersama.	
Aras 3 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/ contoh sangat sesuai Membuat inferens Jawapan mendalam Komunikasi/pengolahan menarik	5-6
Aras 2 Pengetahuan dan pemahaman jelas Jawapan kurang mendalam Menyatakan hujah secara ringkas	3-4
Aras 1 Pengetahuan dan pemahaman terhad Jawapan secara umum	1-2
Panduan Penandaan: • Calon Wajib menjawab kedua-dua tugas. • Menjawab satu tugas – Maksimum 4 markah. • Menjawab kedua-dua tugas/ sekurang-kurangnya satu isi bagi	

	<i>setiap tugas – Maksimum 8 markah</i> • <i>Menyalin keseluruhan teks/Mengemukakan maklumat dalam gambar tanpa olahan – Maksimum 2 markah</i> • <i>Mengubah sedikit keseluruhan teks dengan penabahan penanda wacana – Maksimum 4 markah.</i> • <i>Hanya mengemukakan isi petikan/gambar tanpa huraian isi berdasarkan idea sendiri – Maksimum 4 markah.</i> • <i>Menulis isi jawapan yang tidak relevan dengan isi petikan/gambar – 0 markah</i>	
--	---	--

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT